

## **Analisis Ketidakseimbangan Daya Saingan Sektor Industri Wilayah Ekonomi Koridor Pantai Timur (ECER): Analisis Menggunakan Kaedah Shift Share**

Zainebbeevee Binti Kamal Batcha  
Pusat Pengajian Ekonomi  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
E-mail: [zainebbeevee@gmail.com](mailto:zainebbeevee@gmail.com)

### **ABSTRAK**

Perkembangan dalam sektor industri secara mendadak mengakibatkan wujud jurang ketidakseimbangan antara wilayah. Ini mengakibatkan sektor industri adalah tidak seimbang dan sekaligus meninggalkan kesan kepada pertumbuhan pembangunan Wilayah. Namun demikian, terdapat beberapa sektor yang berpotensi dalam menjana pertumbuhan ekonomi dan membantu dalam meningkatkan daya saingan di Wilayah Ekonomi Koridor Pantai Timur (ECER). Oleh itu, objektif kajian adalah bagi mengenalpasti sektor yang berpotensi yang menjana pertumbuhan ekonomi negara di Wilayah ECER. Di samping itu, kajian ini juga adalah untuk mengenalpasti langkah-langkah yang perlu diambil bagi meningkatkan mutu dan kualiti sektor perindustrian di Wilayah ECER. Analisis kajian ini menggunakan kaedah shift share bagi melihat kebersaingan sektor perindustrian di Pantai Timur yang melibatkan beberapa buah negeri seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang. Kajian ini menggunakan tempoh masa di antara tahun 1985 hingga 2009 dan dibahagikan selang masa setiap lima tahun. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa sektor seperti pembuatan yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tidak dititikberatkan oleh Wilayah ECER. Ini mengakibatkan kebanyakan golongan muda berhijarah ke Wilayah Tengah. Secara langsung ini, akan mengakibatkan belaku kekurangan tenaga buruh dalam industri Wilayah ECER.

Kata kunci: Jurang Ketidakseimbangan, Wilayah Ekonomi Koridor Pantai Timur (ECER), Pertumbuhan Ekonomi.

### **ABSTRACT**

*Growth in developing industry may cause imbalance for the East Coast Economic Region (ECER). This is due to the unbalanced of competitive between the Malaysian Regions. However they are some potential sectors that can help to enhance the growth of ECER. Therefore the objectives of this study is to identifying the potential sectors that used to help to enhance the economic growth in the ECER. This study also helps to identify the steps that should be taken in order to improve the quality of the industrial sectors in ECER. Using shift share method we can see the competitiveness of the industrial sectors in ECER. The ECER includes Kelantan, Terengganu, and Pahang. This study used data from the period of 1985 to 2009 which is divided every five years. The results show that sectors such as manufacturing help to contribute to the economic growth but based from our finding we found that ECER is less active in manufacturing sectors and this cause less economic growth in ECER. This may cause unemployment and migration of the younger generation due to lack of job opportunities. Our finding also showed that the Central Region is the main focus for the younger generation to have job opportunities rather than in the ECER. This is due to the shortages of employment in the industrial in the ECER.*

*Keywords: Imbalance, East Coast Economic Region (ECER), Economic Growth.*

### **PENGENALAN**

Terdapat lima gugusan koridor pembangunan Wilayah, iaitu Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia (WPI), Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Wilayah Ekonomi Koridor Pantai Timur (ECER),

Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII)  
"Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju"  
Johor Bahru, 7 – 9 Jun 2013

Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE). Koridor pembangunan wilayah ini adalah merupakan perancangan pembangunan jangka panjang di antara 20 hingga 25 tahun dengan matlamat utama adalah untuk membasmi kemiskinan, mengurangkan jurang ekonomi antara wilayah, mewujudkan peluang pekerjaan baru, membuka peluang perniagaan serta pelaburan, meningkatkan taraf hidup rakyat serta membantu merangsang ekonomi negara. Selain itu, penubuhan Koridor Pembangunan Wilayah dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan sekaligus meningkatkan ekonomi wilayah tersebut.

Penubuhan koridor ini adalah untuk mewujudkan keseimbangan di antara wilayah-wilayah tersebut. Walaubagaimanapun, hanya wujud ketidakseimbangan akibat daripada daya saingan dimana wilayah kurang maju yang tidak dapat menyaingi daya saingan wilayah maju (Hasnah Ali et al 2011). Menerusi Rancangan Malaysia yang Ke-10 bermatlamat untuk meningkatkan pengeluaran melalui peningkatan dalam pembangunan ke arah negara berpendapatan tinggi dan pertumbuhan pembangunan ekonomi sebanyak enam peratus. Selain itu, matlamat kerajaan melalui RMKe-10 adalah untuk mendapatkan pendapatan perkapita yang dijangka meningkat kepada RM38,845 (US\$12,139) pada 2015. Namun begitu, hasil analisis dapatan kajian oleh Unit Perancangan Ekonomi (EPU) menunjukkan bahawa jurang pembangunan dan ketidakseimbangan antara wilayah semakin meningkat. Penumpuan kajian ini adalah pada Wilayah ECER yang merupakan antara wilayah yang mempunyai jurang perbezaan yang lemah jika dibandingkan dengan wilayah-wilayah lain. Jurang perbezaan ini mengakibatkan wujud ketidakstabilan dan daya saingan yang lemah antara wilayah ECER.

Secara langsung, ini menunjukkan bahawa Wilayah ECER merupakan wilayah yang kurang daya saing jika dibandingkan dengan wilayah-wilayah yang lain. Jurang perbezaan dari segi pertumbuhan ekonomi yang lemah menunjukkan Wilayah ECER seperti Kelantan, Terengganu, dan Pahang kurang memberikan sumbangan kepada KDNK Negara Malaysia (Mohamed Aslam et al 2003). Tambahan lagi, jurang pembangunan antara Wilayah ECER juga agak ketara dan dapat dibuktikan dengan Indeks Komposit Pembangunan mengikut negeri. Mengikut Indeks Komposit Pembangunan, Wilayah Pantai Timur (ECER) merupakan antara wilayah yang mempunyai kedudukan yang terakhir selepas Sabah dan Sarawak. Selain itu, didapati bahawa kadar kemiskinan Wilayah ECER juga adalah yang tertinggi selepas Negeri Sabah.

## KERANGKA TEORI DAN SOROTAN KAJIAN

Mengikut hasil kajian oleh Barro dan Sala-i-Martin (1991) menunjukkan bahawa wujud jurang perbezaan pembangunan di antara negara kaya dan negara miskin dimana negara miskin mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi berbanding negara kaya. Tambahan lagi hasil kajian mereka juga mendapati negeri miskin adalah lebih tertumpu kepada tenaga buruh dan perindustrian dapat membantu pertumbuhan ekonomi. Mengikut Abraham et.al (1995) telah menjalankan ujian untuk melihat hubungan jurang pertumbuhan ekonomi di Kesatuan Eropah dan mendapati hasil kajian mereka adalah berbeza dengan kajian Barro dan Sala-i-Martin (1991). Hasil daripada kajian mereka menunjukkan sebahagian daripada mereka mempunyai purata pendapatan yang sama.

Manakala mengikut Chuang-Hua Lim et.al (2003) mendapati bahawa negeri-negeri Malaysia seperti Wilayah Timur dan Wilayah Utara merupakan negeri yang berpendapatan rendah dan dianggap sebagai negeri miskin kerana kadar kemiskinan yang tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain. Negeri-negeri ini dihuni oleh Orang Melayu yang tinggal di kawasan perkampungan dimana peluang perkerjaan adalah terhad dan biasanya kerja-kerja yang dilakukan melibatkan kerja-kerja kampung seperti bercucuk tanam, menternak dan lain-lain.

Merurut Barro dan Xavier-i-Sala (1990) mendapati bahawa negeri yang mengeluarkan output yang rendah mempunyai kecenderungan memperolehi pendapatan yang tinggi. Walaubagaimanapun, hasil kajian ini dilakukan pada tahun 1880 dan bercanggah dengan hasil pendapatan pada masa kini yang lebih fokus untuk mengeluarkan output yang tinggi bagi memperolehi hasil pendapatan yang tinggi. Hall (2000) pula mendapati bahawa data yang digunakan oleh Barro dan Xavier (1990) semasa berlaku *Civil War* dan banyak kemusnahan dan masalah kewangan dikesan daripada kesan peperangan tersebut. Hasil kajian oleh Barro dan Xavier menjadi tanda soal dalam ekonomi pembangunan. Menurut hasil kajian oleh Andrew et. al(1999) mendapati bahawa wujud jurang pertumbuhan antara sesebuah negeri dengan menggunakan *neoclassical growth theory* dan mendapati bahawa mempunyai hubungan hukum pulangan MPL berkurangan yang mengakibatkan berlaku kejatuhan dalam output yang dikeluarkan kerana apabila mencapai satu tahap dimana peningkatan satu unit pengeluaran akan mengakibatkan kejatuhan yang mendadak dalam output pengeluaran walaupun negara tersebut mempunyai kekayaan dari segi produktiviti dan pendapatan buruh.

Hasil kajian oleh William dan Martin (2000) mendapati berlaku peningkatan pendapatan KDNK di negara Amerika Syarikat selepas *Civil War* ini adalah kerana berlaku peralihan daripada sektor pertanian kepada sektor pembuatan. Hasil kajian ini mendapat sokongan daripada Christopher (2000) dengan ini mewujudkan perubahan dalam pengedaran zaman dapat meningkatkan pendapatan perkapita sesebuah negara secara tidak langsung. Ini akan menyumbang kepada pertumbuhan sesebuah negara. Mengikut Christopher (2000) ini akan membawa kepada wujud jurang pendapatan yang besar diantara negara di mana mengasingkan negara yang berpendapatan tinggi dan negara berpendapatan rendah.

Esteban (2000) didapati bahawa kebanyakan bukti empirikal menunjukkan pendapatan perkapita, produktiviti buruh dan penglibatan buruh merupakan faktor penyumbang kepada pendapatan sesebuah negara. Selain itu Carlino (1992) dan Browne (1989) menunjukkan bahawa Amerika Syarikat mempunyai ketidaksamaan antara wilayah disebabkan oleh perbezaan dalam kadar pekerjaan seperti di Eropah (Esteban 1994). Mengikut Esteban (2000) perbezaan wujud di antara wilayah negeri mengikut industri sektor kerana setiap industri mempunyai produktiviti buruh yang berbeza. Mengikut kajian beliau ini akan mengakibatkan wujud *industry mix*. Perbezaan produktiviti buruh dalam industri menghasilkan sumber pendapatan yang berbeza mengikut keupayaan dan kepakaran masing-masing. Ketaksamaan pendapatan antara wilayah wujud apabila terdapat perbezaan sumbangan produktiviti buruh dalam perkapita Esteban (2000).

Secara kesimpulannya, didapati bahawa wujud jurang perbezaan pendapatan buruh antara sektor kerana perbezaan dari segi sumbangan KDNK negara, produktiviti buruh, dan peluang pekerjaan di antara negeri. Disamping itu, hasil kajian oleh James Paul Quintero (2007) menunjukkan bahawa teknik analisis Shift Share dan Location Quotient merupakan analisis yang sesuai untuk mengkaji produktiviti dan kecekapan sesebuah perindustrian di negeri.

Mengikut Teori Keynes dan teori Harrod-Domar melihat persoalan pertumbuhan itu dari segi permintaan. Pertumbuhan ekonomi hanya akan berlaku jika pengeluaran agregat bertambah secara terus-menerus pada tingkat pertumbuhan yang ditentukan (tingkat pertumbuhan itu dinamakan tingkat pertumbuhan yang perlu dijamin atau *warranted rate of growth*). Manakala Teori pertumbuhan Neo Klasik melihat dari sudut pandangan yang lain iaitu dari segi penawaran. Menurut teori ini, yang dikembangkan oleh Abramovits dan Solow mendapati bahawa pertumbuhan ekonomi bergantung kepada perkembangan faktor-faktor yang lebih produktif seperti pertambahan modal, pertambahan modal marginal, pertambahan tenaga kerja dan produktiviti tenaga kerja marginal dan perkembangan teknologi.

Selain itu, didapati bahawa Teori Pertumbuhan Neo-Klasik digunakan untuk menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi tetapi juga untuk mencipta pertumbuhan ekonomi. Hasil dapatan kajian oleh Abramovits dan Solow mendapati bahawa pertumbuhan ekonomi Amerika terutama disebabkan oleh perkembangan teknologi adalah 80%-90% dari pertumbuhan ekonomi Amerika diantara pertengahan abad yang lalu. Ini adalah disebabkan oleh perkembangan teknologi yang semakin maju. Menurut Denison (1980) yang menganalisis faktor yang mengakibatkan perkembangan di negara maju diantara tahun 1950-1962 menyimpulkan bahawa (*value added*) pertambahan barang-barang modal hanya menciptakan 25% dari pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat, dan 18% adalah daripada pertumbuhan ekonomi di Negara Eropah Barat dan 21% dari pertumbuhan ekonomi negara-negara yang lain.

Teori Pertumbuhan Ekonomi Endogen (*Endogenous growth Model*) atau juga dikenali dengan Teori Pertumbuhan Baru (*New Growth Theory*) merupakan kritikan terhadap Model Pertumbuhan Ekonomi Neo-Klasik Solow (*The Solow Growth*). Teori ini merupakan pertambahan daripada faktor-faktor pertumbuhan ekonomi pertumbuhan teknologi mengakibatkan peningkatan kepada produktiviti sumber manusia. Teori Pertumbuhan Endogen diasaskan oleh Paul M. Romer 1986 dan Robert Lucas 1988 kerana tidak bersetuju dengan Model Solow yang tidak dapat menjelaskan bagi pertumbuhan dalam jangka masa panjang. Model pertumbuhan ini menjelaskan bahawa perubahan teknologi, kadar bunga, dan perubahan populasi adalah bersifat endogen. Sementara, peranan modal adalah sebahagian daripada peningkatan pendapatan dan bukan bersifat kekal dalam jangka masa panjang ini kerana sumber daya manusia adalah berbeza mengikut kepakaran masing.

Selain itu, mengikut Teori Pusat Pertumbuhan (*Growth Poles Theory*) pula, didapati bahawa gabungan daripada antara kebijaksanaan dan program pembangunan wilayah yang terancang akan membawa kepada pertumbuhan di sebuah wilayah. Tumpuan kepada sebuah wilayah mengakibatkan wujud skala ekonomi (*economic of scale*) atau (*economic of localization*) (Tarigan 2005). *Economic of scale* adalah kelebihan yang diperolehi kerana khusus pada satu jenis pengeluaran yang mengakibatkan pengeluaran baru dan adalah lebih berkesan daripada pengeluaran asal. Ini akan membantu meningkatkan produktiviti dan kecekapan pekerja dan dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. *Economic of agglomeration* pula merupakan keuntungan yang diperolehi kerana kemudahan

yang disediakan adalah sesuai dengan matlamat dasar kerajaan pada masa tersebut. Tindakan kerajaan untuk meningkatkan kemudahan yang disediakan akan menggalakan pelaburan dan pertumbuhan dari segi pembangunan dan sosial.

Mengikut teori pertumbuhan wilayah yang tidak seimbang (*Unblanced Growth Theory*) mendapati bahawa pembangunan yang tidak seimbang akan memberikan kesan kepada usaha kerajaan bagi mencapai matlamat menjadi negara maju terutamanya Wilayah ECER. Strategi pembangunan wilayah dilihat mampu mengatasi masalah ketidakseimbangan antara kawasan bandar dan luar bandar. Mengikut teori ini perancangan yang kukuh haruslah dilaksanakan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi tidak mengalami masalah ketidakseimbangan antara negeri.

Oleh itu, strategi pembangunan wilayah haruslah dilaksanakan bagi tujuan untuk mengurangkan jurang perbezaan ekonomi dan struktur ekonomi yang tidak seimbang antara wilayah. Strategi ini dilaksanakan berasaskan keupayaan setiap wilayah bagi tujuan pembangunan pertanian dan perusahaan terutama di negeri yang kurang maju seperti Wilayah ECER. Pendekatan ini bagi menjamin supaya pembangunan negara secara keseluruhannya adalah tumbuh dengan baik dan seimbang

## METODOLOGI

Metodologi kajian yang digunakan merupakan kaedah persampelan dengan menggunakan data siri masa dari tahun 1985 hingga 2009. Tambahan lagi, kajian ini menggunakan teknik shift share James Paul Quintero (2007) untuk mencapai objektif kajian. Data yang digunakan diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancangan Ekonomi Malaysia secara *online* iaitu data siri masa dari tahun 1985 hingga 2009. Selain itu, kajian ini menggunakan teknik shift share James Paul Quintero (2007). Data ini dianalisis dan hasil daripada kajian digunakan dalam dapatan kajian

Shift share merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk mengetahui daya saing di Wilayah ECER. Selain itu, kaedah ini memberi gambaran yang jelas mengenai industri yang dapat menjana ekonomi Malaysia. Tambahan itu, shift share juga dapat menunjukkan produktiviti dan kebersaingan industri-industri di Wilayah Timur yang dapat menjana ekonomi Malaysia. Oleh itu, kaedah shift share adalah sesuai untuk mengkaji produktiviti dan industri Wilayah ECER. Analisis Shift-Share dapat digunakan menggunakan formula

$$\begin{aligned} \mathbf{SS} &= \mathbf{NS+IM+RS} \\ \mathbf{SS} &= \mathbf{Shift-Share} \\ \mathbf{NS} &= \mathbf{National Share} \text{ (Pertumbuhan Ekonomi Nasional)} \\ \mathbf{IM} &= \mathbf{Industry Mix} \text{ (Taburan Industri)} \\ \mathbf{RS} &= \mathbf{Regional Shift} \end{aligned}$$

Di mana, pengiraan menggunakan formula berikut:

$$\begin{aligned} NS_{ir}^t &= E_{ir}^{t-1} \times \left( \frac{E_{MYR}^t}{E_{MYR}^{t-1}} - 1 \right) \\ IM_{ir}^t &= E_{ir}^{t-1} \times \left[ \left( \frac{E_{iMYR}^t}{E_{iMYR}^{t-1}} \right) - \left( \frac{E_{MYR}^t}{E_{MYR}^{t-1}} \right) \right] \\ RS_{ir}^t &= E_{ir}^{t-1} \times \left[ \left( \frac{E_{ir}^t}{E_{ir}^{t-1}} \right) - \left( \frac{E_{iMYR}^t}{E_{iMYR}^{t-1}} \right) \right] \end{aligned}$$

E = Output industri

t = pada masa kini

i = industri secara spesifikasi

t-1 = pada masa lepas

r = spesifikasi wilayah

Selain itu bagi mendapatkan hasil yang tepat ujian T-test dilaksanakan dalam kajian ini bagi mengukuhkan bukti yang diperolehi daripada hasil dapatan kajian. Ujian T-test adalah untuk mengkaji sama ada data yang diperolehi mempunyai nilai *significant* dengan hasil dapatan kajian. Ujian T-test adalah untuk mencari perbezaan atau persamaan bagi purata nilai di mana ia dijadikan sokongan kajian bagi kajian ini. Selain itu, formula yang digunakan adalah seperti berikut :

$$SE = \frac{\sqrt{\sum(X-x)^2}}{n-1}$$

$$T_{stat} = \frac{X-x}{SE/\sqrt{n}}$$

Dimana:

$X$  = Tota

$x$  = min  $X$

$SE$  = standard deviation

$Var$  = Variance

$n$  = sample

Kajian ini menggunakan aras keertian pada nilai 0.05. Selain itu, darjah kebebasan (df) juga ditentukan dengan  $n-2$  dimana ujian T-test yang mempunyai 2 tail dibahagikan kepada 2 oleh itu, ditetapkan  $t_{\alpha/2}$  iaitu  $\alpha = 0.025$  dan nilai  $t$  boleh dilihat di jadual kepentingan nilai t-stat (disediakan sebagai lampiran di belakang teks statistik).

## HASIL KAJIAN

Hasil dapatan kajian ini diperolehi dengan analisis shift share mengikut sektor dari tahun 1985 hingga 2009. Analisis ini kemudian dikira dengan perubahan setiap tahun lima tahun. Hasil daripada analisis ditunjukkan seperti di JADUAL 1

Hasil kajian melalui perubahan mendapati bahawa, dari tahun 1985 hingga 2009 menunjukkan hampir kesemua sektor adalah tidak menyumbang kepada ekonomi di Wilayah ECER kecuali dalam sektor perlombongan dan kuari sahaja. Ini menunjukkan bahawa sektor tersebut kurang diberikan perhatian dan kurang peluang pekerjaan di Wilayah ECER. Ini adalah kerana generasi muda lebih berminat untuk menceburi dalam sektor perkhidmatan. Walaubagaimanapun, pelbagai tindakan telah diambil oleh pihak kerajaan seperti menawarkan kursus kemahiran dan seminar kepada graduan. Namun, didapati penyertaan generasi muda masih berkurang. Ini dapat dibuktikan melalui hasil dapatan kajian melalui 2000 hingga 2009.

Bagi mendapatkan hasil yang tepat ujian T-test dilaksanakan dalam kajian ini bagi mengukuhkan lagi bukti yang diperolehi daripada hasil dapatan kajian. Ujian T-test adalah untuk mengkaji sama ada data yang diperolehi mempunyai nilai *significant* dengan hasil dapatan kajian. Hasil analisis ujian T-test adalah seperti di bawah. JADUAL 2 pula menunjukkan pengiraan *standard deviation* dengan hasil perubahan shift share. Hasil dapatan diperolehi dengan menggunakan formula seperti berikut:

*Formula Standard Deviation:*

$$SE = \frac{\sqrt{\sum(X-x)^2}}{n-1}$$

*Formula Ujian T-test:*

$$T_{stat} = \frac{X-x}{SE/\sqrt{n}}$$

Keputusan JADUAL 3 dibuat melalui nilai *significant* ditetapkan iaitu alfa ( $t_{\alpha/2}$ ) iaitu  $\alpha = 0.025$ . Selain itu, darjah kebebasan (df) untuk ujian ialah  $(n-1)$  iaitu  $9-1 = 8$ . Dalam, t-test darjah kebebasan bagi nilai  $t_{\alpha}$  ialah 2.306 pada nilai keertian 0.025. Hasil keputusan menunjukkan jika  $t_{\alpha} > t_{stat}$  maka hasil dapatan kajian adalah benar dan mendapat sokongan bagi dapatan kajian kerana nilai T-stat adalah lebih rendah dari  $t_{\alpha}$ .

## HASIL PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa sektor-sektor yang dikaji kebanyakan adalah sektor primer. Sektor ini kurang diberikan perhatian oleh masyarakat kerana pendapatan yang diperolehi dalam sektor primer adalah rendah jika dibandingkan dengan sektor sekunder dan ketiga. Pihak kerajaan telah melaksanakan pelbagai kesedaran untuk menggalakkan penglibatan dalam sektor-sektor primer tetapi generasi muda lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam sektor perkhidmatan. Ini adalah kerana

sektor perkhidmatan merupakan sektor yang lebih selesa di mana mereka tidak perlu untuk bekerja di bawah panas terik matahari dan ingin dipandang tinggi oleh masyarakat atas kelayakan yang diperolehi.

Mengikut Jabatan Perangkaan pada tahun 2001 Negara Malaysia terpaksa meluluskan seramai 18,152 orang buruh asing untuk bekerja di sektor perikanan. Ini adalah kerana berlaku desakan untuk memajukan sektor perikanan ini. Analisis ini adalah sama dengan dapatan kajian dimana berlaku kekurangan buruh dalam sektor perikanan. Ini menyebabkan berlaku pola di mana tenaga muda tempatan tidak berminat untuk bekerja dalam sektor perikanan ini (Yeap Hock Lai dan Mohammad Raduan 2003). Disamping itu, tenaga buruh muda yang berpotensi bekerja di sektor perikanan tidak berminat kerana pekerjaan tidak menjamin masa depan dengan alasan pendapatan yang diterima adalah tidak tetap, malahan, tahap pendidikan yang tinggi menggalakkan tenaga buruh muda ini untuk terus melibatkan diri dalam sektor ekonomi yang lain. Sektor yang diminati oleh tenaga buruh muda adalah bercirikan keselesaan, pendapatan lumayan serta kedudukan atau pangkat yang tinggi. Secara langsung, ini akan mengakibatkan sektor-sektor primer ini akan terus mundur sekiranya masalah ini tidak dibendung dengan baik.

Mengikut Yeap Hock Lai dan Mohammad Raduan (2003) proses modenisasi dan urbanisasi menggalakkan tenaga buruh muda untuk berhijrah ke bandar-bandar besar seperti Singapura, Johor, Kuala Lumpur dan lain-lain. Ini mendorong mereka untuk bekerja dalam sektor lain dan sekaligus meninggalkan sektor perikanan dan bekerja di sektor lain. Keadaan menjadi lebih serius apabila diisytiharkan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) di mana berlaku penambahan buruh asing dalam pengairan terutamanya, di kawasan Kedah, Johor, Terengganu dan negeri-negeri yang berhampiran dengan lautan. Selain itu, mengikut perjanjian UNCLOS Negara Malaysia tidak berupaya untuk menerokai sumber-sumber perikanan di pengairan tersebut. Ini memberi peluang kepada negara jiran untuk sama-sama menerokai hasil perikanan. Akhirnya, masalah timbul apabila negara jiran mengambil kesempatan terhadap sumber tangkapan Malaysia akibat kekurangan buruh.

Mengikut Struktur Pekerjaan, (Industri Perlombongan Industri) sektor perlombongan memerlukan keperluan pekerja yang berkemahiran dalam industri tempatan dan dapat bersaing dalam industri pada peringkat antarabangsa. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa berlaku kekurangan buruh dalam sektor perlombongan dan kuari, ini adalah kerana buruh dalam sektor perlombongan dan kuari memerlukan buruh yang berkemahiran mahir dalam mengendalikan sumber-sumber galian tersebut. Disamping itu, kajian oleh Jabatan Perangkaan Malaysia melalui (Soal Selidik Sektor Perlombongan 2001) didapati bahawa harga komoditi bahan mentah yang tidak stabil mengakibatkan gaji yang diperolehi adalah tidak tetap dan tidak menjamin keperluan kehidupan. Kemahiran yang tinggi mengakibatkan buruh dalam sektor perlombongan terpaksa mempelajari kemahiran dan teknik yang betul sebelum bekerja. Ini akan mengakibatkan memakan kos dan masa yang lama untuk menyediakan buruh yang berkebolehan dan berkualiti dalam sektor perlombongan dan kuari.

Tetapi hasil kajian menunjukkan bahawa sektor pembuatan adalah memberikan sumbangan kepada ekonomi Malaysia mahupun di Wilayah ECER. Hasil dapatan kajian adalah sama dengan hasil dapatan kajian oleh Laporan Prestasi Kajian Sektor Pembuatan oleh EPU di mana sumbangan kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah bertumbuh dengan kadar yang negatif. Disamping itu, hasil kajian oleh EPU menunjukkan bahawa bilangan buruh dalam sektor pembuatan adalah rendah seiring dengan pendapatan mereka yang semakin berkurang tahun demi tahun. Mengikut Habibah Ahmad et.al (2012) ini kerana kekurangan buruh untuk bekerja di sektor pembuatan akibat daripada kemahiran yang tinggi yang perlu dipelajari.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa sektor sektor perlombongan dan kuari merupakan sektor yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Wilayah ECER dan sektor-sektor lain seperti sektor pertanian, pemburuan, perhutanan, perikanan, pembuatan, pembinaan dan sebagainya tidak menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Mengikut analisis kajian menunjukkan bahawa sektor-sektor ini kekurangan tenaga buruh terutamanya tenaga buruh yang muda. Penghijrahan golongan buruh muda ke Wilayah Tengah menyukarkan lagi keadaan apabila buruh adalah semakin tidak mencukupi. Tindakan kerajaan bagi menggalakan golongan buruh muda dalam menceburi bidang perindustrian juga terganggu kerana minat dan kecenderungan buruh muda adalah lebih kepada sektor perkhidmatan.

Mengikut Teori Keynes dan teori Harrod-Domar pertumbuhan ekonomi hanya akan berlaku jika pengeluaran agregat bertambah secara terus-menerus pada tingkat pertumbuhan yang ditentukan (tingkat pertumbuhan itu dinamakan tingkat pertumbuhan yang perlu dijamin atau *warranted rate of growth*). Ini menunjukkan bahawa bagi memastikan Wilayah ECER untuk terus maju pengeluaran output yang harus dihasilkan haruslah bertambah. Namun, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pengeluaran di Wilayah ECER adalah rendah akibat produktiviti buruh dalam sektor industri yang

rendah dan tidak mencukupi. Tambahan lagi mengikut teori pertumbuhan Neo Klasik pula, yang melihat dari sudut pandangan penawaran mendapati pertumbuhan ekonomi bergantung kepada perkembangan faktor-faktor yang lebih produktif seperti pertumbuhan modal, pertumbuhan modal marginal, pertumbuhan tenaga kerja dan produktiviti tenaga kerja marginal dan perkembangan teknologi. Jika dibandingkan hasil dapatan kajian dengan teori-teori yang dikemukakan oleh penulis yang lepas menunjukkan Wilayah ECER masih jauh ketinggalan.

Jika dibandingkan wilayah-wilayah lain dengan Wilayah ECER masih jauh ketinggalan dari segi kualiti hidup, pendapatan, pengeluaran output, dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi di Wilayah ECER adalah rendah dan perlu ditingkatkan. Tambahan lagi jurang pembangunan antara negeri juga ketara diantara Wilayah ECER dengan wilayah lain. Selain itu, tarikan pelaburan baru juga masih mengalami masalah dalam aspek kemudahan seperti infrastruktur yang baik dan mencukupi, lokasi berhampiran, hab pengangkutan udara dan laut, pusat kewangan, perkhidmatan sokongan sampingan dan lain-lain masih tidak mencukupi dan tidak sempurna.

Hasil dapatan kajian juga mendapati bahawa jurang diantara wilayah juga agak ketara kerana jika dibandingkan peluang perkerjaan dan pertumbuhan ekonomi Wilayah ECER dengan wilayah-wilayah yang lain, Wilayah ECER jauh ketinggalan. Mengikut pandangan penulis walaupun pelbagai peluang dan pelaburan dijalankan sepanjang Wilayah ECER ini ditubuhkan, tetapi tetap mempunyai masalah dan kerumitan yang dihadapi seperti masalah kelembapan ekonomi, masalah kewangan pelaburan dan lain-lain. Masalah-masalah yang wujud ini memberikan kesan kepada perancangan Wilayah ECER dalam jangka masa yang panjang dan melewati lagi perancangan pembangunan. Mengikut teori pertumbuhan wilayah yang tidak seimbang (*Unbalanced Growth Theory*) mendapati bahawa pembangunan yang tidak seimbang dan tidak terancang akan memberikan kesan kepada usaha kerajaan bagi mencapai matlamat menjadi negara maju.

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa industri sektor pembuatan merupakan sektor yang kurang aktif di Wilayah ECER. Namun, melalui analisis kajian didapati bahawa sektor pembuatan adalah penting dalam sesebuah pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, penekanan yang lebih khusus haruslah diberikan kerana sektor pembinaan merupakan sektor yang penting dalam pertumbuhan ekonomi negara. Industri binaan ialah salah sebuah industri yang menyumbang kepada pembangunan sesebuah negara. Ia memainkan peranan yang penting dalam semua sektor perindustrian utama sesebuah negara dalam bentuk penyediaan modal tetap, perkhidmatan, kediaman dan lain-lain.

Di samping itu, penekanan Kerajaan Malaysia dalam bentuk pelaburan juga amat perlu dititikberatkan dalam sektor-sektor yang dapat menyumbang kepada ekonomi negara. Kesimpulannya, langkah-langkah yang efektif dan berkesan haruslah dilaksanakan bagi memastikan Wilayah ECER dapat berkembang maju dan mengurangkan jurang diantara wilayah yang wujud.

## KESIMPULAN

Masalah utama yang dikenalpasti dalam industri di Wilayah ECER adalah masalah ketidakseimbangan akibat daripada daya saingan Wilayah ECER yang tidak dapat menyaingi daya saingan wilayah maju seperti Wilayah Tengah iaitu Selangor, Melaka dan Kuala Lumpur. Ini adalah kerana sektor yang ditumpu oleh Wilayah ECER adalah perlombongan dan kuari manakala sektor-sektor lain kurang dititikberatkan. Hasil analisis kajian terhadap sektor industri di wilayah maju dan kurang maju menunjukkan bahawa industri seperti sektor pembuatan merupakan asas kejayaan di wilayah maju. Oleh itu, pengkaji ingin mencadangkan supaya meningkatkan produktiviti sektor pembuatan.

Mengikut Hasnah Ali et.al (2009) sektor pembuatan merupakan sumbangan utama dalam pertumbuhan sesebuah ekonomi. Kajian ini mendapat sokongan daripada Kaldor (1967) yang mana mendapati bahawa sektor pembuatan memainkan peranan penting dalam proses pembangunan. Mengikut kajian beliau, ia dapat disimpulkan bahawa sektor pembuatan adalah sektor yang paling berkesan dalam ekonomi dan dianggap sebagai ejen pertumbuhan negara. Kajian ini juga disokong oleh Hirschman (1958). Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) kurang memberikan sumbangan kepada ekonomi Malaysia kerana sektor pembuatan adalah kurang dititikberatkan. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar pihak kerajaan negeri di Wilayah ECER perlu lebih menitikberatkan sektor pembuatan kerana mengikut analisis pengkaji mendapati bahawa Wilayah Selatan seperti Iskandar Malaysia (WPI) dan Wilayah Tengah seperti Selangor, Melaka dan Kuala Lumpur lebih menitikberatkan sektor pembuatan.

Memandangkan semakin banyak koridor pembangunan serantau dan Zon-zon Ekonomi Khas lain yang sedang dibangunkan di seluruh dunia, adalah penting bagi zon Wilayah Pantai Timur untuk membezakan ECER daripada wilayah-wilayah yang lain. Sehubungan itu, para pelabur pastinya berasa sukacita untuk mengetahui bahawa Wilayah ECER dapat menawarkan pakej yang bersepadu kepada

mereka yang merangkumi kedua-dua insentif fiskal dan bukan fiskal. Insentif-insentif ini direka khas buat para pelabur yang ingin menerokai peluang-peluang perniagaan di dalam kelompok-kelompok utama ECER iaitu pelancongan, minyak, gas & petrokimia, pembuatan, pertanian dan pendidikan.

Selain itu, R&D juga haruslah diperbaiki kerana menurut Pelan Modal Insan oleh Perdana Menteri Malaysia didapati bahawa penekanan terhadap R&D dan pendidikan dapat memajukan sesebuah industri. Maka, pengkaji mencadangkan bahawa industri di Wilayah ECER haruslah menumpukan dalam bentuk pelaburan dalam R&D dan pendidikan untuk meningkatkan mutu perindustrian Wilayah ECER.

Tambahan lagi, pihak kerajaan juga mempromosikan di Erna Antarabangsa untuk menggalakkan pelaburan. Untuk menarik lebih banyak pelabur, ECER telah mula mengorak langkah sejak tahun 2009 dalam mempromosikan wilayah ini sebagai sebuah destinasi pelaburan unggul kepada para pelabur tempatan dan antarabangsa. Antara program-program yang dilaksanakan melalui penyertaan di dalam misi-misi pelaburan yang dianjurkan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), serta penglibatan di dalam seminar-seminar dan pameran perdagangan.

Hasil analisis mendapati bahawa Wilayah ECER kurang menyumbang kepada ekonomi Negara Malaysia. Ini menunjukkan bahawa industri di Wilayah ECER adalah kurang aktif dan mempunyai masalah. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa industri di Wilayah ECER mempunyai masalah dari segi produktiviti dan penglibatan tenaga buruh dalam sesebuah sektor. Selain itu, sektor yang ditumpukan oleh Wilayah ECER kurang memberikan sumbangan dari segi ekonomi. Tindakan haruslah diambil bagi memastikan masalah ini diatasi.

Kesimpulannya, langkah-langkah yang efektif dan berkesan haruslah dilaksanakan bagi memastikan Wilayah ECER dapat meningkat lebih maju seperti wilayah-wilayah lain. Selain itu, tindakan seperti meningkatkan pelaburan, program-program kemahiran haruslah dilaksanakan bagi memastikan jurang diantara Wilayah dapat dikurangkan. Tindakan kerajaan bagi membangunkan Wilayah ECER adalah amat penting bagi ekonomi Negara Malaysia.

## RUJUKAN

- Chang-Hua, Lim. (2008). *Regional Development on Different Regions in Malaysia*.
- Charles Santo. (2005). *Methods & Techniques in Planning Components of Shift-Share Analysis. Employment Shifts and Shares: How Does the Local Economy Compare*. Carbondale: Southern Illinois University Press.
- Chun-Yun Shi dan Yang Yang. (2008). A Review of Shift-Share Analysis and Its Application in Tourism. *International Journal of Management Perspectives*. 1(1), 21-30.
- Daniel C. Knudsen. (2000). Shift-share analysis: further examination of models for the description of economic change. *Journal Socio-Economic Planning Sciences*. 177-198
- Fauza Ab. Ghaffa (2010). *Globalization and Regional Development Planning- Rethinking Regional Policy In Malaysia*.
- Hasnah Ali, Noraziah Ali & Sanep Ahmad. (2011). Ketidakseimbangan wilayah dan sektor berpotensi mentransformasikan sosioekonomi penduduk menggunakan pendekatan location quotient. *Malaysian Journal of Society and Space*. (190 - 201)
- Hasnah Ali, Sanep Ahmad, Noraziah Ali & Zakimi Ibrahim. (2009). Kepentingan Sektor Pembuatan Dalam Pertumbuhan Ekonomi Wilayah Di Malaysia. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke IV*. 219-235
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2011. *Banci Ekonomi 2011 bagi Tahun 2011 dan Rujukan 2010 Sektor Perlombongan*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 1980. *Prestasi sektor di Malaysia*
- James Paul Quintero. 2007. Regional Economic Development: An Economic Base Study and Shift-Share Analysis of Hays County, Texas. *Journal of Political Science*. 5397
- Jabatan Pembangunan Kemahiran Kementerian Sumber Manusia. 2011. *Struktur Pekerjaan Bagi Sektor Industri Perlombongan*
- Jabatan Perdana Menteri. 2011. *Isi dan Rancangan Malaysia Ke-10 (2011-2015)*
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2010. *Laporan Perangkaan Pendapatan Isi Rumah Hasil Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah/Kemudahan Asas (PPIR/KA) pada tahun 2009*
- J. Esteban. (2000). Regional Convergence In Europe And The Industry Mix: A Shift-Share Analysis. *Journal Regional Science and Urban Economics*. 353-364
- Habibah bt Ahmad Poo Bee Tin & Ishak Yussof. (2012). Keperluan Tenaga Manusia Sektor Pembuatan Di Malaysia. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VII*. 1331 - 1348



- Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan Keluran Dalam Negeri  
<http://www.treasury.gov.my/pdf/ekonomi/le/9899/bab4.pdf>
- Laman Web Rasmi Jabatan Perangkaan : <http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?lang=bm>
- Laporan Tahunan 2009 ECER : Gerbang Pelaburan ke Asia Pasifik :  
<http://www.ecerdc.com.my/ecerdc/downloads/annualreport/bm/13gerbangpelaburan.pdf>
- Laporan Tahunan ECER : Sektor Pembuatan :  
[http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com\\_content&view=category&id=97&lang=bm](http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=category&id=97&lang=bm)
- Laporan Tahunan. 2010. Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur Pelaksanaan Transformasi Wilayah Ekonomi Pantai Timur
- Laporan Regional Development 1996-2005: <http://ifwmi.usim.edu.my/en/researchinno/ifwmi-visiting-professor.html>
- Laporan Tahunan Malaysian Airport. 2012. Landasan Menuju Kejayaan membina perniagaan yang bertaraf dunia prospok pada tahun 2010-2014
- Laporan Penyiasatan Industri Pembuatan Tahunan 2010. (2011). Ringkasan Penemuan Hasil Kajian Industri Pembuatan.
- Laporan Penyiasatan Industri Pembinaan Tahunan 2010. (2011). Ringkasan Penemuan Hasil Kajian Industri Pembinaan
- Mohamed Aslam & Asan Ali Golam Hassan 2003. Development Planning and Regional Imbalances in Malaysia. FEA Working Paper No. 2003-5
- Mohammad Raduan & Yeap Hock Lai. (2003). Penglibatan Buruh Perikanan Asia Tenggara dalam Buruh Perikanan Thai di Kuala Perlis. Seminar Kebangsaan Sosio-Ekonomi dan IT Ke-2, anjuran Pusat Penyelidikan dan Perundangan Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah Darul Aman pada 11-12 Ogos 2004.
- Mohd Nor Aizat Othman. (2012). Diskriminasi Dalam Pasaran Buruh: Kajian Kes Di Sektor Swasta. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VII*. 922 – 932
- Methods Of Regional Analysis: Shift-Share : [http://heimeriks.net/Shift\\_Share.pdf](http://heimeriks.net/Shift_Share.pdf)
- Nariman Mohd. Saad. (2008). An Analysis on the Regional Development Corridors. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke III 2008*. 603 – 607
- National Higher Education Research Institute (IPPTN). 2003. Kajian Masalah Pengangguran di Kalangan Siswazah
- Niles Hansen, Benjamin Higgins, and Donald J. Savoie, 1990. *Regional Policy in a Changing World*. Plenum Press, New York.
- Nooriah Yusof. 2012. The Impact of The Liberal Equity Policy On The Pattern Of Investment Ownership In The Industrial Manufacturing Sector In Malaysia. *School of Humanities, Universiti Sains Malaysia*. 95–120
- Rahmah Ismail & Idris Jajri. (2004). Keanjalan Penggantian antara Kemahiran dalam Sektor Pembuatan di Malaysia. *Journal Social Development*.

JADUAL 1: Analisis Perubahan Shift-Share Malaysia-Wilayah ECER (unit pekerja)

Jenis Perindustrian	1985-1995	1990-2000	1995-2005	1999-2009
Pertanian, pemburuan dan perhutanan	-1.26	-18.85	8.51	-0.92
Perikanan	-1.43	1.85	49.58	-0.8
Perlombongan dan kuari	0.28	1.98	8.71	0.7
Pembuatan	-0.99	13.17	47.32	-1.07
Bekalan elektrik, gas dan air	-140.95	1	3.36	-0.92
Pembinaan	0.8	3.57	6.82	-0.66
Perdagangan jual borong dan jual runcit;	0.46	2.5	38.49	-0.66
Hotel dan restoran	4.26	1.17	33.04	-0.52
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	0.056	4	4.95	-0.78
Sumber Pengiraan: Q1-Q0/Q0				

JADUAL 2 : Pengiraan *Standard Deviation* (unit pekerja)

<b>Total (X)</b>	-138.77	10.39	200.78	-5.63
<b>Total / n (9) = min x</b>	-15.42	1.15	22.31	-0.63
$\sum(X-x)$	-123.35	9.24	178.47	-5.00
$\sum(X-x)^2$	15216.37	85.30	31851.94	25.04
$\sqrt{\sum(X-x)^2/(n-1)}$	1902.05	10.66	3981.49	3.13
<b>SE = <math>\sqrt{\sum(X-x)^2/(n-1)}</math></b>	43.80	3.31	63.10	1.77

Sumber: Hasil Dapatan Kajian

JADUAL 3: Ujian T- Test (unit pekerja)

<b>X1-X2</b>	17.6	-27.4	9.4
<b>SE/<math>\sqrt{n}</math></b>	14.6	1.1	21.0
<b>Tstat = (X-x)/(SE/<math>\sqrt{n}</math>)</b>	1.2	-24.8	0.4

Sumber: Hasil Dapatan Kajian